

07/12/2001

Subsidi diesel RM1.1b setahun

reports on "Dewan Negara" by Kadir Dikoh  
KUALA LUMPUR, Khamis - Kerajaan terpaksa menanggung subsidi diesel sebanyak RM1.1 bilion setahun berikutan keputusannya mengekalkan harga diesel pada paras asal dengan menarik balik kenaikan 10 sen seliter sebelum ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata jumlah itu adalah tambahan sebanyak RM471 juta setahun, berasaskan harga semasa diesel di pasaran antarabangsa.

"Dalam Belanjawan 2002 yang dibentangkan di Dewan Rakyat 19 Oktober lalu, kerajaan mencadangkan kenaikan harga diesel sebanyak 10 sen seliter bagi mengurangkan perbelanjaan subsidi kerajaan.

"Kerajaan amat prihatin terhadap rayuan pelbagai pihak, khususnya nelayan dan pengusaha perkhidmatan pengangkutan. Dengan keprihatinan ini serta penurunan harga diesel di pasaran antarabangsa, kerajaan menimbang semula dan memutuskan untuk mengekalkan harga diesel pada paras asal.

"Dengan keputusan ini, kerajaan terpaksa menanggung tambahan subsidi RM471 juta setahun, menjadikan jumlah subsidi diesel sebanyak RM1.1 bilion," katanya ketika membentangkan Rang Undang-Undang Perbekalan 2002 di Dewan Negara, hari ini.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, kenaikan harga petrol adalah wajar kerana kerajaan sudah mengorbankan begitu banyak hasil.

Katanya, sumbangan kos petrol dalam perbelanjaan isi rumah adalah kecil iaitu 0.4 peratus saja dan kenaikan harga petrol yang hanya 8.3 peratus tidak membebankan rakyat.

"Oleh yang demikian kerajaan berharap pihak tertentu tidak lagi mengambil kesempatan untuk menaikkan harga barangan dan perkhidmatan," katanya.

Beliau berkata, kerajaan memperuntukkan RM5.7 bilion bagi pembangunan infrastruktur membabitkan pembinaan jalan raya dan jambatan, landasan kereta api, pelabuhan dan lapangan terbang bagi menyokong sektor pengangkutan.

Katanya, kedudukan strategik Pelabuhan Johor dan Lapangan Terbang Senai yang berdekatan Singapura, hendaklah diketengahkan sebagai pelabuhan dan lapangan terbang pusat pergerakan kargo tempatan dan antarabangsa.

"Kita yakin, ini dapat dijayakan jika sistem pengangkutan bersepadu bagi menghubungkan semua rangkaian pengangkutan darat, laut dan udara di selatan Semenanjung dibangunkan segera dan diurus dengan lebih cekap serta berkesan," katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan memperuntukkan RM185 juta untuk bekalan air luar bandar dengan tumpuan kepada kawasan pedalaman terutama di Sarawak dan Sabah.

(END)